


Inspirasi Akademia

EDISI 1/2024



Sepintas Lalu



89 Program Akademik

- Sarjana Muda: 35 program
- Siswazah: 50 program
- Tamhidi: 4 program

1 Pusat Kecemerlangan

International Fatwa & Halal Centre (IFFAH)

9 Fakulti

- Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah
- Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan
- Fakulti Syariah dan Undang-undang
- Fakulti Ekonomi dan Muamalat
- Fakulti Sains Dan Teknologi
- Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan
- Fakulti Pengajian Bahasa Utama
- Fakulti Pergigian
- Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina

840 orang Ahli Akademik

- Ahli Akademik Tempatan: 794 orang
- Ahli Akademik Antarabangsa: 46 orang

Visi PKAUSIM

Peneraju Kecemerlangan dan Kesejahteraan Akademik


Misi PKAUSIM

Memperkuh Keharmonian dalam Kalangan Akademik Melalui Pendekatan yang Inklusif dan Berkesan

Objektif PKAUSIM

1. Untuk menjaga dan mempertingkatkan kepentingan, kebajikan dan perhubungan silaturahim ahli-ahlinya dalam suatu pertubuhan berdaftar.
2. Untuk menjadi platform penghubung tara dan kerjasama antara ahli-ahli PKAUSIM dengan pengurusan tertinggi USIM.
3. Untuk bekerjasama dan menyelaraskan pelbagai usaha dengan Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) atau Persatuan pegawai akademik IPTA lain dalam pelbagai hal.
4. Untuk menyebarkan pendapat bermaklumat tentang pelbagai aspek kepentingan akademik melalui penerbitan, seminar, dan sebagainya.

Sumbangan PKAUSIM Jan - Jun 2024





*Assalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh*

Alhamdulillah syukur diucapkan kepada Allah kerana dengan izin-Nya kita berjaya menerbitkan Wajah-Wajah PKAUSIM edisi pertama bagi tahun 2024. Saya dengan ini ingin mengucapkan selamat datang kepada semua pembaca. Semoga laporan ini dapat memberi maklumat tentang gerak kerja dan aktiviti Persatuan Kakitangan Akademik USIM (PKAUSIM) bagi penggal pertama 2024.

Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua staf akademik USIM yang sentiasa menyokong dan menjayakan program yang telah dijalankan pada bulan Januari hingga Jun 2024. Pelbagai program telah direncanakan untuk meraikan staf akademik USIM dari sudut akademik, kebajikan, pengurusan dan kesejahteraan mental.

Selain itu, sekalung penghargaan juga ingin saya ucapkan kepada Biro Komunikasi dan Promosi PKAUSIM dan ahli jawatankuasa PKAUSIM yang telah memberikan sepenuh komitmen dan kesungguhan dalam menjayakan penulisan dan penerbitan Wajah-Wajah PKAUSIM ini. Semoga usaha ini dapat diteruskan lagi pada masa akan datang untuk manfaat bersama.

Selamat membaca!

Profesor Dr. Azman Ab Rahman
Presiden
Persatuan Kakitangan Akademik USIM (PKAUSIM)
2024-2026

Dari Meja Editor



Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang

*Assalamualaikum warahmatullah
wabarakatuh*

Alhamdulillah, Persatuan Kakitangan Akademik USIM (PKAUSIM) telah berjaya menerbitkan keluaran pertama Laporan Tahunan PKAUSIM edisi 1, 2024. Pada tahun ini, PKAUSIM bergerak selangkah ke hadapan untuk menjadi medium perantaraan memartabatkan peranan ahli akademik USIM bukan sahaja di peringkat universiti malah ke peringkat global. Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) merupakan salah satu institusi pengajian tinggi di Malaysia yang memfokuskan kepada integrasi ilmu aqli dan naqli.

Justeru, PKAUSIM memainkan peranan yang signifikan dalam menyokong dan memperkukuh ekosistem akademik di USIM. Sehingga kini, PKAUSIM berfungsi sebagai platform utama untuk ahli akademik menyuarakan pandangan, cadangan, dan solusi melibatkan pelbagai isu yang berkaitan dengan tugas dan tanggungjawab mereka sebagai pendidik dan penyelidik.

Saban tahun, pelbagai program dan aktiviti telah direncanakan bagi memastikan warga akademik USIM kekal kompeten dan relevan bukan sahaja kepada pelajar tetapi berperanan terhadap komuniti dan masyarakat setempat. Untuk maklumat semua pembaca, Laporan Tahunan PKAUSIM

ini akan diterbitkan secara dwitahunan, edisi pertama pada bulan Jun, dan seterusnya pada bulan Disember. Ia bertujuan untuk menghimpunkan segala aktiviti yang telah dijalankan oleh persatuan ini serta pemakluman aktiviti yang bakal dijalankan pada masa akan datang. Aktiviti-aktiviti PKAUSIM meliputi tiga teras utama; pengurusan, akademik, dan juga kebajikan akan dipaparkan secara terperinci dalam Laporan Tahunan PKAUSIM ini untuk tatapan umum. Semoga dengan hebahan ini dapat menggalakkan lagi staf akademik USIM untuk turut serta dalam semua aktiviti dan program yang dijalankan oleh pihak PKAUSIM.

Sekalung penghargaan diucapkan kepada semua pihak yang menjayakan Laporan Tahunan PAKUSIM ini terutamanya Biro Multimedia dan Komunikasi, PKAUSIM. Diharapkan agar buletin ini dapat diteruskan pada masa akan datang.

Selamat membaca!

Biro Multimedia dan Komunikasi,
Persatuan Kakitangan Akademik USIM
(PKAUSIM)

Mesyuarat Agung PKAUSIM Kali Ke-9

Persatuan Kakitangan Akademik USIM (PKAUSIM) telah menjalankan Mesyuarat Agung PKAUSIM bagi sesi ke-9 pada 7 Februari 2024 (Rabu) bertempat di Bilik Mesyuarat Utama, Fakulti Syariah & Undang-Undang USIM, bermula jam 9.00 pagi sehingga 1.00 tengah hari. Majlis ini telah dipengerusikan oleh mantan Presiden PKAUSIM 2022/2024, iaitu Prof. Dr. Irwan bin Mohd Subri.

Majlis dimulakan dengan nyanyian lagu Negaraku dan lagu USIM. Majlis diteruskan dengan sesi pembentangan aktiviti serta program tahunan yang dikendalikan oleh Majlis Tertinggi PKAUSIM sesi 2022/2024 dan laporan kewangan bagi tahun 2023. Pelbagai input penambahbaikan dan saranan telah dibincangkan dan dibahaskan semasa sesi mesyuarat berlangsung. Majlis Mesyuarat turut menyaksikan pembubaran secara rasmi Majlis Eksekutif PKAUSIM Sesi 2022/2024 yang diterajui oleh Prof. Dr. Irwan bin Mohd Subri selaku Presiden bagi memberi ruang kepada sesi perantikan Majlis Eksekutif PKAUSIM yang baharu.


Antara jawatan yang dipertandingkan ialah Presiden, Timbalan Presiden, Setiausaha, Bendahari dan lima biro utama. Hasil undian dan persetujuan bersama barisan kepimpinan Majlis Eksekutif PKAUSIM sesi 2024-2026 telah berjaya dilantik. Bagi sesi baharu, Prof. Dr. Azman Ab Rahman dari Fakulti Syariah dan Undang-Undang telah dilantik sebagai Presiden PKAUSIM. Terima kasih diucapkan kepada barisan kepimpinan PKAUSIM sesi 2022/2024 atas komitmen yang diberikan dan tahniah diucapkan kepada semua yang dilantik meneruskan tanggungjawab bagi sesi 2024/2026. Selamat berkhidmat!



MAJLIS EKSEKUTIF

pkasim 2024
2026
Persatuan Kakitangan Akademik Universiti Sains Islam Malaysia

Persatuan Kakitangan Akademik USIM
Pkausim.usim.edu.my
Pkausimeusim.edu.my



Prof. Dr. Azman Ab Rahman
Presiden




Dr. Mohd Hafiz Abu Hassan
Timbalan Presiden



Dr. Rezki Perdani Sawai
Setiausaha Kehormat




Dr. Junaidah Abu Seman
Bendahari Kehormat




Dr. Syamila Mansor
Timbalan Setiausaha


BIRO AKADEMIK DAN LATIHAN



Dr. Noorfajri Ismail
Ahli Jawatankuasa



Dr. Abdul Rashid Abdul Aziz
Ahli Jawatankuasa




Puan Siti Rubaini Mat
Ahli Jawatankuasa


BIRO ANTARABANGSA DAN ALUMNI



Dr. Azlan Jaafar
Ahli Jawatankuasa



Prof. Madya Dr. Syed
Najihuddin Syed Hassan
Ahli Jawatankuasa



Dr. Muhammad Qadri
Effendy Mubarak
Ahli Jawatankuasa

BIRO KEROHANIAN DAN KEBAJIKAN



Encik Mohd Adil Mufti
Mohamad Samsudin
Ahli Jawatankuasa



Puan Manal Jusoh
@ Mohamad Daud
Ahli Jawatankuasa



Dr. Mohd Mahyeddin
Mohd Salleh
Ahli Jawatankuasa


BIRO KOMUNIKASI DAN PROMOSI



Dr. Umi Hamidaton Mohd
Soffian Lee
Ahli Jawatankuasa




Dr. Haslinawati Mohd
Mustapha
Ahli Jawatankuasa



Dr. Nur Ilyana
Ismarau Tajudin
Ahli Jawatankuasa

BIRO RIADAH DAN REKREASI



Prof. Madya Dr. Roslee
Ahmad
Ahli Jawatankuasa



Dr. Syaza Azhari
Ahli Jawatankuasa



Encik Mohd Ridwan
Mohd Lau
Ahli Jawatankuasa



Prof. Madya Dr. Nuradli
Ridwan Shah Mohd Dali
Pemeriksa Kira-kira I



Dr. Nathratul Ayeshah
Zulkifli
Pemeriksa Kira-kira II

Lantikan Majlis Eksekutif PKAUSIM Sesi 2024/2026

Sesi lantikan Majlis Eksekutif PKAUSIM baharu bagi menerajui sesi 2024/2026 telah diadakan pada 7 Februari 2024 (Rabu). Barisan kepimpinan pada kali ini melibatkan lima (5) biro utama iaitu Biro Akademik dan Latihan, Biro Antarabangsa dan Alumni, Biro Kerohanian dan Kebajikan, Biro Komunikasi dan Promosi dan Biro Riadah dan Rekreasi. Kepimpinan baharu ini diharapkan berjaya membuktikan keupayaan PKAUSIM sebagai persatuan yang mewakili kakitangan ahli akademik dalam memperjuangkan hak dan kebajikan, meningkatkan profesionalisme, menggalakkan penglibatan dalam komuniti, dan menyokong pembangunan akademik di USIM. Persatuan

ini akan menjadi pemangkin dalam memastikan USIM terus berkembang sebagai sebuah institusi pengajian tinggi yang cemerlang dan berdaya saing melalui peranan ahli akademik. Tahniah diucapkan kepada ahli akademik yang telah dilantik. Didoakan agar barisan kepimpinan baharu ini dapat membangunkan dan mengukuhkan lagi kerjasama dalam kalangan kakitangan akademik USIM dengan penuh tanggungjawab dan amanah. Tahniah diucapkan!



Majlis Iftar Perdana PKAUSIM

Saban tahun, sempena mensyukuri nikmat sambutan bulan Ramadhan, PKAUSIM akan menganjurkan Majlis Iftar Raya Perdana bagi meraikan ahli akademik USIM. Pada kali ini majlis telah berlangsung dengan meriah dan jayanya pada 27 Mac 2024 (Rabu), bertempat di Kota Seriemas Golf Resort bermula jam 6:00 hingga 10.00 pm. Majlis ini bertujuan untuk mengeratkan ukhuwah dalam kalangan staf akademik dan bersama-sama mensyukuri nikmat dan kesempatan menyambut kehadiran bulan yang penuh barakah ini dengan penuh keberkatan. Majlis dimulakan dengan ucapan kata-kata aluan daripada Presiden PKAUSIM, Prof. Dr. Azman Ab. Rahman dan diikuti dengan sesi tazkirah ringkas tentang kelebihan bulan

Ramadan, kepentingan berpuasa dan bersedekah, serta amalan-amalan yang diunjurkan sepanjang bulan Ramadhan. Selesai sesi iftar perdana, solat Maghrib dan solat terawih berjemaah telah diadakan bersama-sama dengan semua yang sudi hadir memeriahkan majlis ini. Secara tidak langsung program ini dapat meningkatkan kesedaran rohani dan mengukuhkan persahabatan dalam kalangan ahli akademik serta ahli keluarga masing-masing. Majlis bersurai pada jam 10.00 malam. Sambutan yang diberikan amat menggalakkan dan berjaya mencapai matlamat utama untuk memupuk semangat kebersamaan. Diharapkan agar majlis seumpama ini akan terus dianjurkan lagi pada masa hadapan untuk meraikan sokongan yang diberikan oleh ahli PKAUSIM.



Majlis Dialog PKAUSIM Fi Qalbi bersama Pengurusan Tertinggi USIM

Buat julung kalinya, PKAUSIM telah mengambil inisiatif untuk menganjurkan sesi dialog antara kakitangan akademik dan pengurusan tertinggi USIM untuk memberi ruang kepada ahli PKAUSIM bersemuka dan membincangkan pelbagai isu melibatkan kelangsungan ekosistem pendidikan di USIM. Majlis Dialog PKAUSIM Fi Qalbi telah diadakan pada 29 Mei 2024 (Rabu) bertempat di Dewan Kuliah 1, Fakulti Pengajian Bahasa Utama, bermula pada jam 2.00-5.00 petang. Majlis ini dihadiri oleh Naib Canselor, Profesor Dato' Ts. Dr. Sharifudin Md Shaarani, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Profesor Dato' Dr. Adnan Mohamed Yusoff dan Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi, Profesor Dato' Dr. Muhammad Tauffik Mohd Noor. Semasa sesi dialog berlangsung pelbagai isu melibatkan

peranan dan hala tuju ahli akademik dari aspek pentadbiran, pembangunan profesional, kualiti pendidikan, pelaksanaan polisi, penyelidikan dan inovasi serta amalan budaya organisasi dibincangkan. Matlamat utama dialog ini diadakan untuk mengoptimumkan prestasi ahli akademik dan mencari solusi kepada isu yang memerlukan perhatian pengurusan tertinggi USIM. Justeru, sesi soal jawab melibatkan wakil ahli akademik dan pengurusan tertinggi wajar dilaksanakan untuk mengetahui prestasi akademik terkini, keperluan penambahbaikan dan mengenal pasti cabaran yang dihadapi seterusnya mendapat perhatian serius dari pengurusan tertinggi USIM dalam usaha menjaga hak dan keperluan ahli akademik di USIM.

Sebelum berakhir, majlis pelancaran stiker kenderaan PKAUSIM turut diadakan dan stiker telah diagihkan kepada semua ahli PKAUSIM yang hadir.



Seminar Risiko Integriti Akademik

Pusat Pematuhan Syariah, Integriti, Pengurusan Risiko Dan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (SCIROSH) telah menjemput wakil PKAUSIM untuk menghadiri Seminar Risiko Integriti Akademik yang diadakan pada 30 April 2024, bermula 8.30 pagi sehingga 5.00 petang bertempat Di Dewan Senat, Aras 3, Bangunan Canselori USIM. Objektif seminar ini diadakan untuk memberi pendedahan mengenai keseriusan dan senario semasa melibatkan pelbagai isu integriti akademik seperti penyalahgunaan tadbir urus, rasuah dan plagiarism. Terdapat empat (4) slot utama

melibatkan slot 1: Ucaptama Integriti Akademik yang disampaikan oleh YBrs. Professor Dr. Ahmad Ismail selaku Presiden Kongres Kesatuan Akademik Malaysia (MAAC). Slot 2: Perkongsian Pengurusan Kes Integriti Akademik Universiti Awam yang disampaikan oleh YBrs. Profesor Madya. Dr. Mohammad Rahim Kamaluddin selaku Ketua Unit Integriti & Ombudsman, UKM. Seterusnya, Slot 3: Tindakan kepada Pesalah Integriti Akademik oleh YBrs. Encik Yus Yulandy Mhd Jaafar selaku Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Slot 4: Forum Risiko Akademik yang telah menjemput panel dari pelbagai agensi terlibat. Semasa seminar berlangsung wakil akademik diberi ruang untuk berkongsi pengalaman tentang tatacara dalam menguruskan kes-kes melibatkan amalan integriti agar isu dapat dikawal secara komprehensif.

**YURAN
RM 150
/ Peserta**

SEMINAR RISIKO INTEGRITI AKADEMIK

**8.30 PAGI -
5.00 PETANG**

**30
APRIL
2024**

**LOKASI:
UNIVERSITI SAINS
ISLAM MALAYSIA
(USIM)**

PENGANJUR UTAMA:
 **PUSAT PEMATUHAN SYARIAH, INTEGRITI, PENGURUSAN RISIKO
DAN KESELAMATAN & KESEHATAN PEKERJAAN**
Centre for Islamic Compliance, Integrity, Risk Management
and Occupational Safety and Health

KERJASAMA:


DAFTAR SEKARANG!
PENYERTAAN


<https://irb.gyued42/>
ATUR CARA

<http://irbui.kkapih>

SKOP SEMINAR

1. Memberikan pendedahan mengenai keseriusan isu-isu integriti akademik
2. Menyediakan platform perkongsian informasi berkaitan kes-kes integriti akademik.
3. Memberikan kesedaran berkaitan pengurusan risiko integriti akademik.
4. Membantu memberikan informasi mengenai tindakan dan hukuman kes integriti akademik.

MAKLUMAT LANJUT
Encik Mohd Asri Hj Husain | 06-798 6006 / asri@usim.edu.my
Nur Sakinah Shahrone | 06-798 6646 / sakinah@usim.edu.my
Laila Fahada Ahmad Puhad | 06-798 6292 / lailafahada@usim.edu.my




Bengkel Strategik dan Hala Tuju PKAUSIM

PKAUSIM telah mengadakan Bengkel Strategik dan Hala Tuju bersama exco Majlis Tertinggi yang baru dilantik bagi sesi 2024-2026 dengan tujuan untuk merangka pelan tindakan yang berkesan dalam mencapai matlamat persatuan. Bengkel ini merupakan platform penting untuk menyelaraskan visi dan misi serta menetapkan strategi jangka pendek dan panjang. Bengkel ini

berlangsung pada 14 Mac 2024 bertempat di Bilik Mesyuarat Utama, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP) bermula jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang. Sepanjang bengkel berlangsung setiap biro telah membentangkan perancangan aktiviti dan program tahunan yang akan dijalankan sepanjang tahun dan keperluan kewangan bagi setiap program. Antara program yang

dicadangkan ialah Seminar Antarabangsa Islam dan Sains 2024, Karnival Sukan PKAUSIM dan aktiviti berbentuk penyelidikan. Setiap perincian program dibahas dan dibincangkan oleh ahli bengkel terutama berkaitan impak dan keberkesanan kepada ahli PKAUSIM. Sehubungan itu, setiap biro yang terlibat memberikan kerjasama dengan baik untuk memastikan setiap program yang akan dilaksanakan berjalan dengan lancar.



Sesi Libat Urus bersama Jabatan Pendaftar


Sesi Libat Urus Jabatan Pendaftar dengan wakil PKAUSIM bagi pelaksanaan Dasar Bekerja Dari Mana-Mana (BDM) telah diadakan pada 20 Jun 2024 (Khamis) bertempat di Bilik Mesyuarat Canselori 2, Aras 3, Jabatan Canselori. Sesi perbincangan dua hala ini bertujuan untuk mendapatkan maklum balas, pandangan dan output berkaitan perancangan pelaksanaan Dasar Bekerja Dari Mana-Mana (BDM). Jabatan Pendaftar merancang untuk memperkenalkan dasar ini bertujuan sebagai alternatif cara bekerja baharu, bagi memberikan kemudahan dan keanjalan kepada staf yang terlibat untuk bekerja dari mana saja tanpa

perlu mengambil cuti rehat dalam melaksanakan tugas hakiki dan tugas-tugas rasmi yang lain. Fleksibiliti melalui pelaksanaan dasar ini dilihat mampu memberi nilai tambah kepada golongan pensyarah terutamanya untuk menjadi lebih efektif dan efisien. Dasar ini dijangkakan dapat menyumbang kepada pengurangan kos utiliti yang terpaksa ditanggung oleh pihak universiti akibat penggunaan utiliti secara berterusan. PKAUSIM turut mengutarakan beberapa usul melibatkan permohonan, pemantauan dan sejauh mana ia membantu menaikkan daya kerja ahli akademik yang terlibat. Selain itu, PKAUSIM turut mencadangkan kepada

pihak pendaftar agar kajian soal selidik diedarkan secara menyeluruh bagi mendapatkan respon dan maklum balas dari kalangan ahli akademik sekurang-kurangnya 70% untuk memastikan keberkesanan dan impak pelaksanaan dasar ini. Proses pemantauan dasar ini turut dicadangkan sekurang-kurangnya 6 bulan untuk tempoh percubaan. Semoga usaha ini akan mendapat output positif dalam melahirkan staf yang lebih produktif sambil memastikan kesihatan mental ahli akademik sentiasa berada dalam keadaan stabil dan baik.

Majlis meraikan Bakal Haji 2024 dalam kalangan ahli akademik

Pada 10 Mei 2024 bertempat di Bilik Jamuan VIP, Fakulti Syariah dan Undang-undang pihak Persatuan Kakitangan Akademik USIM (PKAUSIM) telah mengadakan satu majlis kecil-kecilan bagi meraikan seramai 14 orang ahli PKAUSIM yang akan berangkat ke tanah suci Mekah untuk menunaikan ibadah Haji bagi tahun 2024. Majlis dimulakan dengan sesi tahlil ringkas yang diketuai oleh ustaz Mohd Adil Mufti bin Mohamad Samsudin, wakil Biro Kerohanian dan Kebajikan. Di samping itu, Presiden Persatuan, Prof. Azman Ab Rahman turut menyampaikan ucapan tahniah dan kesyukuran kepada bakal jemaah yang akan berangkat pada awal bulan jun, 2024. Sebagai penghargaan, bakal jemaah turut menerima sedikit sumbangan sebagai saguhati daripada PKAUSIM bagi memudahkan urusan perjalanan ke tanah suci. Semoga menjadi haji mabrur!





Majlis Sambutan Hari Raya USIM 2024

Pada 25 April 2024, Universiti Sains Islam Malaysia telah mengadakan Majlis sambutan hari raya peringkat universiti di Dewan Tuanku Canselor (DTC). Bagi menjayakan majlis ini, pihak PKAUSIM telah dilantik sebagai Jawatankuasa Penyelaras Gerai. Bagi menjayakan sambutan majlis sebanyak 21 gerai sajian telah diselia untuk memastikan agihan makanan mencukupi dan pematuan piawai kebersihan dipatuhi oleh setiap gerai yang terlibat. Kerjasama dan komitmen yang diberikan oleh ahli jawatankuasa yang terlibat amat dihargai.

Majlis sambutan ini bertujuan untuk mengeratkan silaturahim dalam kalangan warga universiti di samping memberi

peluang beramah mesra sempena meraikan kedatangan bulan Syawal. Antara tetamu kehormat yang hadir ialah DYMM Tunku Ampuan Besar Negeri Sembilan Darul Khusus, Tuanku Aishah binti Almarhum Tengku Besar Mahmud dan pentadbiran tertinggi USIM. Suasana sambutan dimeriahkan dengan pelbagai juadah tradisional, persembahan dan pertandingan yang diadakan antaranya busana terbaik, cabutan bertuah, dan pertandingan Gerai Terbaik. Majlis ini telah berjaya menjadi satu platform utama untuk mengukuhkan hubungan integrasi dalam kalangan profesional dan golongan pentadbir di USIM. Semoga sambutan pada tahun akan datang lebih meriah dengan kerjasama dan komitmen semua pihak yang terlibat, termasuk urusetia, pensyarah, dan staf.

Sumbangan Kebajikan kepada Dr. Asmah Mohd Jaapar

PKAUSIM begitu komited menjaga kebajikan ahlinya terutama yang telah ditimpa pelbagai musibah. Sehubungan itu, kutipan derma kilat telah dilancarkan oleh Badan Kebajikan Kakitangan USIM untuk meringankan beban Dr. Asmah, Pensyarah dari Fakulti Sains dan Teknologi (FST) yang ditimpa musibah kebakaran rumah akibat litar pintas pada 20 Mei 2024. Pihak PKAUSIM turut berdukacita dengan dugaan yang menimpa beliau sekeluarga dan amat berbesar hati memberikan sumbangan kewangan melalui platform Badan Kebajikan Kakitangan USIM untuk membantu beliau. Sumbangan yang diberikan sedikit sebanyak diharapkan dapat mengurangkan beban beliau dan keluarga.

BADAN KEBAJIKAN KAKITANGAN USIM



DERMA KILAT

Sumbangan buat Dr. Asmah Mohd Jaapar, Pensyarah Kanan Fakulti Sains dan Teknologi (FST) yang ditimpa musibah (kebakaran rumah akibat litar pintas) pada 20 Mei 2024

Sumbangan anda boleh disalurkan melalui:
**BADAN KEBAJIKAN KAKITANGAN
 UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA (BKKUSIM)**

BANK ISLAM
 05058010009043
 REFERENCE: DR ASMAH

Tempoh sumbangan adalah sehingga 31 Mei 2024

<https://bkk.usim.edu.my>
 @bkk@usim.edu.my
 Badan Kebajikan Kakitangan USIM - BKK USIM
 @bkkusim_official

PEMBUKAAN GERAN PKAUSIM 2024

TEMA PENYELIDIKAN

“INTEGRASI NAQLI DAN AQLI”

SYARAT PERMOHONAN

Terbuka kepada semua kakitangan Akademik USIM.

Setiap pemohon dibenarkan untuk mengemukakan hanya satu (1) permohonan projek sahaja.

Permohonan dibuka kepada mereka yang belum pernah menjadi ketua penyelidik.

15 Jul

Pembukaan Geran
PKAUSIM

30 Ogos

Tarikh Akhir
Pemohon Serah
Proposal

4 Okt

Penganugerahan
Geran PKAUSIM
(Hari Akademik)

GARIS PANDUAN & PERMOHONAN

1. Tempoh penyelidikan satu tahun sahaja.

2. Siling peruntukan RM500.00 sahaja

3. Garis Panduan penuh dan permohonan boleh didapati melalui pautan:

(<https://pkasim.usim.edu.my/geran-pkasim-2024/>)



GARIS PANDUAN

Sebarang pertanyaan:

Dr. Abdul Rashid Abdul Aziz
017-817 5662
rashid@usim.edu.my

ORGANIZED BY

SEMINAR ANTARABANGSA ISLAM DAN SAINS (SAIS 2024)

“ENLIGHTENING MADANI’S PRINCIPLES IN ISLAMIC SCIENCE”

“MEMACU RUKUN MADANI DALAM SAINS ISLAM”

26 SEPT 2024
FPBU USIM



31ST
AUG

Deadline of Fullpaper
Submission

Notification of Submission

9TH
SEPT

26TH
SEPT

SAIS 2024 SEMINAR

SPECIAL MENU

Roasted Lamb
(Kambing Golek)

SEMINAR FEES

Participant RM **50**
One Paper RM **125**
Two paper RM ~~250~~ RM **200**

Download Full Paper Format:
<https://pkasim.usim.edu.my/sais-2024/>

Submit your paper here



Accepted paper will be published in
e-proceeding with e-ISSN.

PAYMENT

Please email your name
and proof of payment to
pkasim@usim.edu.my to
complete your registration

BANK ISLAM

05058010017874

PERSATUAN KAKITANGAN AKADEMIK USIM

Mail subject line:
SAIS2024 Payment

Inquiries about Seminar

012-203 7416

Pn. Siti Rubaini Mat

"Cergas . Cerdas . Ceria"
#FiQalbi



PUSAT SUKAN
Sports Centre
Universiti Sains Islam Malaysia



STAF
AKADEMIK
SAHAJA

Karnival SUKAN PKAUSIM

FKP FST FEM
FSU FKAB FPQS

ANTARA FAKULTI

KPI FPG FPBU
TAMHIDI FPSK

4 SEPTEMBER 2024 | 7:30PG – 1:00TGHR | KSTN USIM

BOLA JARING

10 WANITA



10 LELAKI

FUTSAL



PING PONG

4 LELAKI
3 WANITA



8 LELAKI
8 WANITA

BOLA TAMPAR



PKA FUN
RUN 800M

x PERTANDINGAN
PERBARISAN



1 LELAKI
1 WANITA

KAROM



PENYERTAAN DIBUKA KEPADA
ATLET SAHAJA DAN DIWAJIBKAN

1 LELAKI
1 WANITA

DAM HAJI



"Pendaftaran sehingga
31hb Julai 2024"



Butiran
Pertandingan



Hubungi **Pengurus Kontinjen** setiap fakulti yang telah
dilantik untuk sebarang pertanyaan/pendaftaran



pkasim.usim.edu.my



Persatuan Kakitangan Akademik USIM



pkasim
Persatuan Kakitangan Akademik Universiti Sains Islam Malaysia

INSENTIF PKAUSIM FI QALBI

Penyertaan

INOVASI

RM **150** MAKSIMUM

MOHON SEKARANG



Jangan lepaskan peluang untuk mendapatkan tuntutan bayaran
balik! Sila isi borang tuntutan inovasi anda sekarang!

Pemohon telah mengikuti aktiviti PKAUSIM minimal 2 kali



pkasim.usim.edu.my



Persatuan Kakitangan Akademik USIM

Penerbit:

Persatuan Kakitangan Akademik USIM (PKAUSIM)
Universiti Sains Islam Malaysia
Bandar Baru Nilai,
71800 Nilai Negeri Sembilan

Editor:

Dr. Umi Hamidaton Mohd Soffian Lee
Dr. Haslinawati Mohd Mustapha
Dr. Nur Ilyana Ismarau Tajuddin
En. Wan Muhammad Shaker Wan Adnan

Co-editor:

Dr. Rezki Perdani Sawai
Pn. Siti Rubaini Mat